

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT]

TARIKH : 20 OKTOBER 2016

SOALAN : Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan adakah wakil Malaysia berucap di mesyuarat tergempar Majlis Keselamatan PBB pada 25 September 2016 yang mengutuk tindakan Rusia dan Syria menyerang bandar Aleppo secara tidak berperikemanusiaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tumpat di atas soalan yang dikemukakan.

2. Sepanjang menganggotai Majlis Keselamatan, Malaysia sentiasa melibatkan diri secara aktif dalam semua mesyuarat Majlis Keselamatan PBB. Ini termasuklah mesyuarat tergepar Majlis Keselamatan PBB berkenaan Syria pada 25 September 2016 yang diadakan di atas permintaan Amerika Syarikat, Britain dan Perancis untuk membincangkan situasi keselamatan di Aleppo.

3. Pada mesyuarat tersebut, Malaysia mengutuk serangan yang telah dilancarkan ke atas Aleppo yang telah mengorbankan ramai orang awam. Malah serangan tersebut mencabul persefahaman gencatan senjata di antara Amerika Syarikat dan Rusia yang termaktub pada 9 September 2016. Tindakan ini mempersoalkan komitmen dan keikhlasan pihak-pihak bertelagah ini untuk mencari jalan penyelesaian secara damai. Oleh yang demikian, Malaysia telah menggesa pihak-pihak bertelagah ini untuk melaksanakan semula perjanjian 9 September ini dan menghentikan permusuhan.

4. Selain itu, Malaysia telah menggesa pihak-pihak yang bertelagah di Syria untuk menghormati undang-undang kemanusiaan antarabangsa, termasuk menyediakan laluan bantuan kemanusiaan yang tidak terbatas, dan melindungi infrastruktur awam dan orang-orang awam termasuk kanak-kanak, konvoi misi kemanusiaan, sekolah dan hospital.

5. Dalam perbincangan mengenai Syria, Malaysia sentiasa berpandukan kepada pendirian berprinsip, pendekatan secara objektif dan kesederhanaan dalam usaha untuk mencari penyelesaian secara aman di Syria.

6. Semasa mesyuarat tersebut, Malaysia bersetuju supaya diwujudkan mekanisme pemantauan gencatan senjata dan laluan bantuan kemanusiaan, yang berkesan dan kredibel dalam menyelesaikan konflik di Syria dengan kadar yang segera.

Sekian, terima kasih.